# Bernama - Harga RON95 Dan RON97 Naik Dua Sen, Diesel Naik Enam Sen

Jumaat, Feb 14 2020

**KUALA LUMPUR, 14 FEB** -Harga runcit petrol RON97 naik dua sen kepada RM2.36 seliter, manakala RON95 naik dua sen kepada RM2.06 seliter sementara diesel naik sebanyak enam sen kepada RM2.14, berkuat kuasa tengah malam ini hingga 21 Feb.

Dalam kenyataan hari ini, Kementerian Kewangan memaklumkan berdasarkan pengiraan di bawah formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu masing-masing sepatutnya RM2.06 dan RM2.14 seliter.

"Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lepas bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.04 seliter dan diesel yang

berada pada paras RM2.08 seliter, tetapi masih di bawah had harga yang ditetapkan iaitu RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter untuk diesel," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, harga runcit bagi kedua-dua produk dinaikkan selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.

"Namun apabila harga pasaran dunia naik dan demi melindungi pengguna daripada mengalami impak kenaikan harga, harga runcit produk petroleum akan dikekalkan pada paras tidak melebihi RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter bagi petrol RON95 dan diesel melalui pemberian subsidi," katanya.

-- BERNAMA

Pekeliling Perbendaharaan
Prihatin
BISNES
AGENSI
WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 /
03-88823894

Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian
Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.
Kemaskini terakhir: 18 Mac 2021 | Jumlah Pelawat: 27637216

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data